



# Pagisa minta khidmat Prof D Kamarudin diteruskan

Oleh ABD NADDIN  
HJ SHAIDDIN

**UB 25.6.2019 A8**  
**KOTA KINABALU:** Persatuan Graduan Iranun Sabah (Pagisa) meminta kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan memberi peluang kepada Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin untuk meneruskan perkhidmatannya sehingga kontraknya habis tahun depan.

Presidennya Razak Haji Rakunman (*gambar*) berkata tindakan kerajaan menamatkan kontrak perkhidmatan D Kamarudin yang masih berbaki setahun lagi menyebabkan orang ramai memberi persepsi negatif kepada kerajaan Malaysia baru.

Beliau menggesa Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malek agar tidak mengambil keputusan terburu-buru sebaliknya mengakhiri kontroversi isu dengan membatalkan surat penamatan tempoh perkhidmatan yang dikeluarkan kepada D Kamarudin.

Katanya, adalah tidak wajar kontrak perkhidmatan beliau (D Kamarudin) dipendekkan tanpa sebarang sebab pada hal beliau sudah berjaya meningkatkan prestasi universiti dalam senarai universiti terbaik diperingkat antarabangsa.

Di bawah kepimpinan beliau, UMS muncul sebagai antara 1,000 universiti di seluruh dunia.

“Prestasi ini amat membanggakan dan tidak ada sebab mengapa khidmatnya dihentikan,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi menyokong saranan Persatuan Sama Sabah (PSS) yang mahu khidmat D Kamarudin diteruskan sehingga habis kontrak pelantikannya.

“Habiskan kontrak perkhidmatannya dulu, kemudian barulah dia diganti dengan tokoh lain dari Sabah yang berkelayakan,” katanya.

Razak berkata, tempoh perkhidmatan D Kamarudin masih ada setahun lagi, apa salahnya tunggu sampai habis sebelum digantikan dengan orang lain.

Pelantikan jawatan D Kamarudin sebagai naib canselor bermula Jun 2017 hingga Jun 2020.

Bagaimanapun, difahamkan tempoh perkhidmatannya sebagai naib canselor dipendekkan hingga hujung Julai 2019 tanpa sebarang sebab.

D Kamarudin mula memegang jawatan naib canselor UMS pada 18 Jun 2017. Beliau adalah anak Sabah pertama menjadi pakar bius dan anak Sabah ketiga dilantik sebagai naib canselor selepas Prof Datuk Mohd Harun Abdullah dan Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon.

Sebelum menjawat jawatan naib canselor, D Kamarudin pernah memegang jawatan timbalan naib canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

